

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

07
MAY

WARGA GSB ADAKAN KHIDMAT KOMUNITI DI TELUK BAHANG

usm 13

USM, PULAU PINANG, 7 Mei 2016 - Kira-kira 50 orang pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) serta pensyarah dan warga Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) Universiti Sains Malaysia mengambil bahagian dalam khidmat komuniti [GSB@USM \(mailto:GSB@USM\)](mailto:GSB@USM): Nurturing Business Sustainability di Teluk Bahang, Pulau Pinang hari ini.

Menurut Timbalan Dekan (Akademik, Pelajar dan Alumni) GSB Dr. Salmi Mohd Isa, khidmat komuniti di Taman Negara Pulau Pinang ini melibatkan pembersihan sekitar kawasan pantai di Monkey Beach dan Teluk Ailing, pemasangan papan tanda yang baharu 'go paperless', membekalkan tong sampah yang direka khas 'anti-tempering dustbin' dan membaikpulih serta memberi wajah baharu bagi kemudahan sedia ada.

usm 10

"Khidmat komuniti ini adalah sebahagian dari usaha untuk mendekatkan pelajar dan warga GSB dengan komuniti dan menjaga alam sekitar yang akan dilakukan secara berterusan," kata Salmi.

Jan Heitmann, 25, dari Negara Jerman berkata beliau sangat berminat dengan aktiviti khidmat komuniti untuk mendapat pengalaman baharu.

"Saya tentu sekali akan syorkan program ini kepada rakan-rakan lain untuk menyertai khidmat komuniti seperti ini yang dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat serta menjaga kebersihan alam sekitar secara berterusan," katanya.

Antara aktiviti lain yang turut dijalankan ialah menanam pokok Kelat Pucuk dan pokok Bintago Laut di laluan pendakian ke Monkey Beach sebagai pokok teduhan.

Teks: Nur 'Izzah 'Atira bt Muhamad Nazmi (Pelajar internship USM)

Foto: Zamani Abdul Rahim



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015